

26/06/2003

Perjuangan politik bangsa Melayu wajar dimurnikan

BEBERAPA hari sebelum berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno ke-54, seorang penceramah Pas dalam ceramahnya di Taman Melewar, Gombak, menceritakan dengan penuh yakin apa yang akan berlaku pada perhimpunan itu.

Beliau menyatakan bahawa berdasarkan maklumat yang baru diterimanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah merancang sesuatu untuk terus berkuasa dan akan menyingkirkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pelbagai gambaran dipotretkan oleh penceramah itu seolah-olah apa yang diceritakannya akan berlaku. Semua yang akan berlaku seperti yang digambarkannya menjurus ke arah ramalannya bahawa Dr Mahathir tidak akan meletakkan jawatan Perdana Menteri, sebaliknya terus berkuasa.

Apa yang diceritakannya itu satu pembbohongan. Pertama, penceramah membuat cerita mengenai apa yang belum berlaku pada Perhimpunan Agung Umno

dan perhimpunan itu belum lagi dilangsungkan.

Kedua, cerita yang dibuat itu dikaitkan berdasar kepada maklumat yang baru diterimanya sedangkan maklumat yang dikatakannya itu tidak benar. Barangkali juga maklumat itu rekaannya saja.

Bukan sekali penceramah itu berbohong dan membuat andaian yang semuanya dusta belaka. Tetapi khalayak yang hadir tetap ramai - seronok dengan pembbohongan yang diceritakannya.

Menghadiri majlis ceramah pembangkang sudah menjadi hiburan bagi sesetengah pihak. Pembbohongan menjadi penglipur lara. Tetapi sungguhpun hanya penglipur lara, ada yang terpengaruh. Daripada amalan yang sering dilakukan, begitulah jiwa dan kecenderungan seseorang dibentuk.

Kegiatan politik seperti itu adalah kuliah mendidik dan membentuk minda rakyat. Minda yang dibentuk daripada pembbohongan, fitnah, adudomba dan maki-hamun akan membawa padah kepada keharmonian masyarakat.

Pendidikan seperti ini berleluasa dalam masyarakat kita dan ia memerlukan kebijaksanaan semua pihak supaya dapat dihentikan.

Al-Quran mengajar dibentuk minda yang positif, bersepadu, menyeluruh, realistik dan seimbang agar kehidupan dibina atas kebenaran.

Tetapi mereka yang dikatakan berjuang untuk menegakkan masyarakat berdasarkan ajaran al-Quran, berusaha membentuk minda masyarakat berdasarkan pembbohongan, fitnah, adudomba dan maki-hamun.

Jelas antara yang dinyatakan dalam tujuan dan matlamat sebuah parti Islam dengan gelagat dan tingkah laku kader dan pemimpinnya amat jauh berbeza.

Jurang yang jauh antara matlamat sesuatu pertubuhan dengan tingkah laku pemimpin dan pengikut pertubuhan berkenaan, selalu berlaku. Perlembagaan pertubuhan itu tidak penting lagi.

Yang penting dan yang mencorakkan pertubuhan itu ialah tingkah laku politik pemimpin dan pengikutnya. Inilah wajah sebenar sesebuah pertubuhan politik dan aspek inilah yang harus dikenali.

Islamnya sesebuah parti bukan kerana namanya parti Islam atau perlembagaan parti itu mencatatkan akan memperjuangkan Islam. Itu hanya catatan di atas kertas.

Tetapi yang menentukan identiti parti itu yang sebenarnya ialah program, minda pemimpin dan pengikutnya serta tingkah-laku mereka dalam mencorak setiap kegiatan parti berkenaan.

Keadaan itulah bahasa yang paling fasih menerangkan hakikat perjuangan parti berkenaan. Tetapi bukan semua orang yang dapat memahami bahasa keadaan itu. Mereka terpengaruh kepada nama luaran dan slogan yang dipamerkan.

Menggunakan nama Islam bagi sesuatu pertubuhan politik ada bahayanya. Jika tingkah-laku politik pemimpin dan pengikut parti itu tidak dapat melambangkan nama yang dipakainya, imej Islam akan terjejas dan kejahatan dilakukan atas nama Islam sedangkan Islam tidak ada kena-mengena dengannya.

Nama Islam diperalatkan dan semua kelakuan yang tidak baik, turut diberikan makna Islam. Maki-hamun diamalkan kerana dikatakan Islam membenarkan. Mencarut diizinkan kerana dikatakan Tuhan juga mencarut.

Pelbagai tingkah-laku yang tidak beretika diberikan makna Islam dan menerusinya budaya serta kelakuan umat dibentuk. Kerana perbuatan seperti ini, kesucian Islam tercemar.

Memperbaiki dan mengislah minda serta tingkah-laku politik masyarakat Islam di negara ini, menjadi sebahagian daripada tuntutan perjuangan. Perjuangan politik masyarakat Islam dan bangsa Melayu perlu dimurnikan.

Jika tuntutan ini tidak dilaksanakan, politik akan memusnahkan masyarakat Islam dan bangsa Melayu keseluruhannya.

Keperluan memurnikan perjuangan politik bangsa tidak terhad kepada peranan parti pembangkang. Keperluan itu juga membabitkan parti pemerintah.

Ia hendaklah dilakukan secara menyeluruh merangkumi pemurnian minda politik bangsa Melayu, tingkah-laku politik mereka dan agenda politik dalam menghadapi cabaran kini dan akan datang.

Tingkah-laku politik dan perjuangan Pas tidak seharusnya dibiarkan menjadi duri dalam daging dan ancaman kepada perjuangan bangsa. Usaha mesti dilakukan untuk memurnikan perjuangannya supaya menguntungkan bangsa dan agama.

Parti yang mendukung nama Islam ini perlu dimurnikan dengan perjuangan Islam yang suci, dinamik dan menampilkan pemikiran Islam yang tulen. Tingkah-laku dan gelagat Pas sekarang benar-benar menjadi duri dalam daging, meracuni pemikiran dengan pembohongan dan tafsiran yang melulu mengenai Islam.

Keadaan ini perlu mendapat sentuhan usaha pemurnian dan islah. Jika tidak peranannya sebagai duri dalam daging akan memusnahkan masyarakat Islam dan bangsa Melayu.

Sudah tentulah langkah pemurnian dan islah ini harus bermula dalam Pas sendiri. Perlu ada dalam Pas golongan berilmu yang berpandangan jauh dan meletakkan kepentingan bangsa dan umat di atas segala kepentingan lain terutama kepentingan puak dan golongan, yang mengusahakan islah itu.

Dalam Umno yang menjadi tulang belakang pemerintahan negara ini, usaha ke arah pemurniannya sedang dijalankan. Sebagai parti yang memerintah,

Umno sudah diresapi orang yang ingin mengambil kesempatan untuk diri sendiri.

Mereka mencemari perjuangan Umno dengan pelbagai unsur yang meruntuhkan.

Antaranya politik wang, perebutan jawatan dan pembentukan `team' yang menyebabkan perpecahan dalam Umno.

Peranan dan tingkah-laku orang ini dianggap oleh Dr Mahathir sebagai ancaman kepada parti dan perlu dibendung. Langkah memurnikan Umno harus didepani oleh usaha memerangi golongan ini dan memberikan lebih banyak latihan kepada ahli untuk memahami perjuangan parti, terutama generasi muda.

Dua pemimpin utama Umno, Presiden dan Timbalan Presiden, telah menyatakan dukungan padu Umno kepada perjuangan Islam menerusi pendekatan

hadari. Umno harus mempertingkatkan usaha ini supaya Islam difahami secara

yang sebenarnya dan menjadi landasan perjuangan yang padu dan kukuh.

Langkah memurnikan perjuangan politik orang Melayu adalah tuntutan utama

perjuangan bangsa dalam segenap bidang. Ia seharusnya menjadi agenda penting orang Melayu supaya perjuangan mereka tetap relevan dengan perubahan masa.

Zaman globalisasi penuh dengan pancaroba. Bangsa yang tidak ada kemampuan bersaing, mungkin lenyap sebagaimana lenyapnya kaum Ad dan Thamud.